



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Peredaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8956 8000 Fax: +60 3 8956 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

BERITA PALSU BANJIR: MCMC AKAN PANGGIL 14 LAGI

CYBERJAYA, 31 Disember 2014 – Setelah lapan individu diminta tampil memberi keterangan sejak tiga hari lepas, 14 lagi akan dipanggil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam waktu terdekat setelah ditentukan keterlibatan mereka untuk membantu siasatan ke atas 10 kes penyebaran berita palsu mengenai banjir yang telah melanda beberapa negeri.

“Sebelum ini kami telah mengenal pasti tiga kes penyebaran berita palsu, iaitu berita palsu tentang keruntuhan Pusat Pemindahan Sekolah Manek Urai, berita palsu mengenai kerajaan menyembunyikan fakta kematian ramai mangsa banjir, dan berita palsu kematian di Guchil yang dipetik sumber kononnya daripada sebuah stesen berita. Setakat ini, kami telah mengenal pasti sebanyak 10 kes berita palsu yang tersebar dan sedang berusaha menentusahkan individu-individu yang boleh membantu siasatan. Beberapa individu yang terlibat telah diminta untuk memberi keterangan di pejabat MCMC kelmarin dan semalam. Sebaik sahaja individu-individu ditentukan keterlibatan, mereka akan diminta untuk tampil dengan kadar segera,” kata Pengerusi MCMC, Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi.

Menurut beliau lagi, jumlah individu yang akan dipanggil berkemungkinan akan bertambah kerana siasatan sedang giat dijalankan oleh MCMC.

“Jangan berkongsi berita dalam keadaan beremosi kerana ianya hanya akan memburukkan keadaan. Periksa dahulu kesahihan berita tersebut sebelum berkongsi dan memaparkannya dalam aplikasi pesanan dan media sosial,” tambah beliau.

Orang ramai dinasihat untuk berhenti menyebarkan 'berita' berikut yang sedang dalam siasatan:



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Parasaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8988 8000 Fax: +60 3 8988 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

1. Sepuluh orang sekeluarga terperangkap dalam rumah mati lemas di Guchil, Kelantan yang dipetik sumber kononnya daripada sebuah stesen berita.
2. Keruntuhan pusat pemindahan Sekolah Manek Urai.
3. Kerajaan menyembunyikan fakta ramai orang mati lemas kerana banjir.
4. Pintu empangan di Selatan Thailand dibuka dan menyebabkan banjir di Kelantan.
5. Bantuan daripada NGO untuk mangsa banjir tak sampai.
6. Mayat kanak-kanak dikeluarkan daripada lumpur yang dikatakan mangsa banjir di Kelantan.
7. Helikopter TUDM terpaksa disewa untuk keluar pesakit dari Hospital Kuala Krai.
8. Seorang wanita terjun dari sekolah ke dalam air.
9. Bantuan disekat oleh pihak berkuasa.
10. Bantuan diterima oleh orang BN sahaja.

[Tamat]

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my